

Menjelang pertandingan silat...

# Keputusan PA disambut baik

**PCNCAK - SILAT**  
**A**KHIRNYA Persatuan Rakyat (PA) menganjurkan sekali lagi Pertandingan Silat Antara Balai Rakyat yang pertama kali dianjurkan dua tahun lalu.

Pertandingan kali ini akan diadakan dalam Mei depan.

Ia tentunya merupakan berita baik yang telah lama di nanti-nantikan oleh para pencinta seni silat di lebih daripada 100 buah balai rakyat di sini.

Dengan adanya lanjutan pertandingan silat antara balai rakyat kali ini, kebimbangan mereka sebelum ini terhapus sama sekali.

**14 MAR 1985**  
Kebimbangan itu timbul kerana PA pada ketika itu tidak dapat memastikan sama ada akan menganjurkan pertandingan yang penting bagi pesilat di balai-balai rakyat itu secara tetap atau sebaliknya.

## Matlamat terakhir

Mereka pula mengharapkan pertandingan itu dapat dijalankan dengan tetap, sekurang-kurangnya dua tahun sekali kerana mereka sendiri secara persembahan tidak dapat dianjurkan satu pertandingan yang sebesar itu.

PA pula menantikan sambutan kepada pertandingan yang akan berja lan selama dua

hari di Kompleks Sukan Delta sebelum membuat keputusan tentang 'nasib' pertandingan itu.

Dengan menganjurkan pertandingan itu buat kali kedua pada Mei depan, PA nampaknya merasa senang dengan sambutan yang telah diberikan kepada pertandingan pertama dua tahun lalu.

Bagaimanapun, para pesilat di balai-balai rakyat tidak boleh berpeluk tubuh saja kerana pertandingan besar serupa itu kini dianjurkan oleh PA dengan kerjasama (Persekutuan Silat Singapura (Persisi)).

Matlamat terakhir dari pertandingan serupa itu mestilah untuk meningkatkan mutu silat di balai-balai rakyat agar setaraf dengan yang diharapkan oleh Persisi sendiri.

Malah, Setiasauah Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, pernah berkata dua tahun lalu bahawa tujuan utama ialah supaya mutu silat dapat ditingkatkan untuk membolehkan mutu silat anjuran Persisi pula kemudian dapat dipertingkatkan.

Selain daripada PA, Persisi juga menganjurkan pertandingan silat yang lebih bercorak nasional dan lebih besar.

Antara peserta dalam pertandingan nasional itu juga terdiri daripada anggota-anggota pesilat balai rakyat.

Apa yang perlu anggota silat di balai rakyat kini lakukan ialah berlatih dengan bersungguh-sungguh

dan sentiasa memperbaiki mutu persembahan mereka.

Dengan menganjurkan pertandingan itu di peringkat ibu pejabat (PA), persatuan itu telah meringankan beban pencinta silat di balai rakyat yang sebelum ini kerap terpaksa menganjurkan pertandingan silat mereka sendiri.

Ini bermakna mereka bukan saja terpaksa menjalankan latihan yang gigih malah terpaksa pula bekerja keras untuk membuat perancangan, mengatur latihan dan banyak lagi tugas yang berkaitan dengan pengurusan pertandingan.

## Latihan gigih

Adalah lebih baik jika masa yang terpaksa digunakan untuk tujuan pengurusan itu digunakan untuk memperhalusi persembahan dan meninggikan mutu silat.

Tetapi, dengan pengelibat PA secara langsung dan kerjasama yang diberikan oleh Persisi itu, masalah penganjuran tidak lagi menghantui para pesilat di balai rakyat.

Justeru itulah, mereka kini perlu memberi perhatian yang lebih banyak dan lebih istimewa ke arah meninggikan mutu persembahan mereka.

**14 MAR 1985**  
Dengan menganjurkan pertandingan itu buat kali kedua pada Mei depan, PA nampaknya merasa senang dengan sambutan yang telah diberikan kepada pertandingan pertama dua tahun lalu.